



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan Bagi Tahun 2019** serta berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :

BIL.	TAJUK DAN NO. TAWARAN	TARAF / SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH, TEMPAT TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TARIKH & TEMPAT PENGAMBILAN DOKUMEN	TARIKH & TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN
1.	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TANGKI AIR UTAMA DAN SISTEM PERPAIPAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI SMK DEWAN BETA, KOTA BHARU, KELANTAN JPKn/SKPP/1304/10/30/2019 (19)	-Taraf Bumiputera T1 -CIDB Gred G1 -Kategori: CE -Pengkhususan: CE21 -Daerah Kota Bharu	12 September 2019 (Khamis) Masa Pendaftaran: 9.00 – 10.00 Pagi Masa Taklimat: 10.00 Pagi Tempat: SMK DEWAN BETA, KOTA BHARU, KELANTAN (KEHADIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK DIWAJIBKAN)	12 September 2019 (Khamis) Masa: 10.00 Pagi Tempat: SMK DEWAN BETA, KOTA BHARU, KELANTAN	19 September 2019 (Khamis) Sebelum jam 12.00 tengahari Tempat: Unit Pembangunan, Kompleks Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Bandar Baru Tunjong, 16010 Kota Bharu, Kelantan	(PERCUMA)

2. Kontraktor yang hadir ke Lawatan Tapak hendaklah membawa bersekali Sijil-sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan) **Sijil Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) bertaraf Bumiputera, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Cop Syarikat.**
3. Setiap kontraktor yang hendak memasuki sebut harga adalah **DIWAJIBKAN HADIR** ke Taklimat Sebut Harga Dan Lawatan Tapak. Selaras dengan arahan di dalam Pekeliling Perbendaharaan, PK2.1, kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak **MESTILAH** terdiri daripada **PEMILIK / AHLI LEMBAGA PENGARAH SAHAJA** dan **tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).** Kontraktor yang telah menghadiri taklimat sebut harga sahaja dibenarkan untuk mengambil satu Dokumen Sebut Harga bagi satu tawaran.
4. Dokumen Meja Sebut Harga disediakan untuk semakan di Unit Pembangunan, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu, Kelantan pada waktu pejabat sehingga dan termasuk tarikh sebut harga diadualkan ditutup.
5. Dokumen sebut harga yang sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk sebut harga dituliskan di kirinya dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat berikut :-

**UNIT PEMBANGUNAN, TINGKAT 3,
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN,
BANDAR BARU TUNJONG,
16010 KOTA BHARU, KELANTAN**

6. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali.
7. Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.
8. Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga, sila berhubung dengan Unit Pembangunan, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan di talian 09-7418036. (Waktu Pejabat)

**UNIT PEMBANGUNAN
SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN**

TARIKH IKLAN : 5 SEPTEMBER 2019